

27 MAR 1998

Razaleigh-Ekonomi

KERAJAAN DIMINTA TERUSKAN USAHA MEMBANTU SYARIKAT BUMIPUTERA

GUA MUSANG, 27 Mac (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah meminta kerajaan terus mengambil langkah yang sewajarnya untuk membantu syarikat Bumiputera dan meningkatkan pelaburan dalam bidang pendidikan, dalam usaha negara memulihkan ekonomi.

Beliau berkata kerajaan perlu segera memperluaskan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelamatkan syarikat Bumiputera yang tersepit ekoran kejatuhan nilai mata wang yang melanda beberapa negara Asia.

"Masalah yang dihadapi syarikat Bumiputera bukanlah kerana pengurusan kewangan dan pentadbiran yang tidak cekap tetapi disebabkan kejatuhan nilai ringgit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Gua Musang di sini hari ini.

Beliau berkata sekiranya syarikat Bumiputera terjejas ia bukan hanya memberi kesan kepada beberapa individu yang menjadi pemiliknya tetapi orang Melayu yang bergantung hidup dan memperolehi rezeki daripadanya.

Tengku Razaleigh yang juga anggota parlimen Gua Musang berkata kerajaan perlu meningkatkan jumlah pelaburan dalam pendidikan bagi menjamin kelahiran pemimpin dan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dalam memajukan negara pada masa depan.

Katanya sektor pendidikan tidak harus dikorbankan dalam mengatasi kegawatan ekonomi dan sehubungan itu beliau meminta kerajaan supaya jangan menarik balik biasiswa yang diberi kepada para pelajar sama ada di dalam atau luar negara bagi mengelakkan beban terhadap mereka terutama golongan miskin.

Mengenai Umno, Tengku Razaleigh berkata beliau berterima kasih kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memimpin Umno Bahagian Gua Musang.

Langkah utama yang akan dilaksanakan segera ialah untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan budaya muafakat di kalangan anggota Umno di bahagian itu, katanya.

Tengku Razaleigh dilantik menjadi Ketua Umno bahagian itu yang sebelum ini disandang Mohamad Saufi Deraman yang kini dilantik sebagai timbalannya.

Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 yang dibubarkan itu turut menyatakan keyakinannya bahawa Umno boleh menawan semula negeri Kelantan yang kini di bawah pimpinan Parti PAS jika semua anggota bekerja keras untuk kepentingan perjuangan parti.

"Kedudukan bukan untuk kita berlagak dan menjadi angkuh tetapi sebagai alat untuk kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan", katanya. --

BERNAMA

BD RON